


2023

TAJUK : KOTAK KATIK

Kategori : AKAR UMBI



Disediakan oleh:

Mohd Nor bin Kapi

LAPORAN HASIL INOVASI

Tajuk Inovasi : KOTAK KATIK

Nama Jabatan / Agensi / Institusi : Akar Umbi

Pengenalan

□ Latar belakang ringkas perkhidmatan

Kotak Simpan Barang merupakan satu keperluan yang penting pada motorsikal hari ini. Ia dapat membawa dan menyimpan barang agar lebih selamat dan mudah semasa dibawa atau diparkir. Terutama topi keleder dan baju hujan.

Walau bagaimana pun, ada ketikanya kehadiran kotak tersebut pada motorsikal akan memberi kesukaran semasa membawa dan menyimpan motorsikal. Semasa menyimpan memerlukan ruang yang panjang berbanding saiz panjang motor sabenar.

Sekiranya kotak simpan barang di hujung pelana, kesetabilan motor akan berkurangan ketika membawa barang yang banyak. Manakala jika kotak diletak di atas pelana penumpang timbul masalah semasa mengisi minyak. Kotak akan diturunkan dulu untuk membuka pelana bagi mengisi minyak.

Penerangan Hasil Inovasi

□ Ringkasan hasil inovasi

Satu inovasi ringkas membina kaki Kotak Simpan Barang yang boleh dilaras mengikut keperluan. Kedudukan kotak boleh diubah ke belakang atau di atas pelana penumpang belakang.

Sekiranya kotak berada di belakang pelana, ia akan menimbulkan keadaan yang tidak selesa apabila muatan yang agak berat ketika mendaki bukit atau mengambil selekoh yang tajam

Bagitu juga sekiranya kotak di letak diatas pelana penumpang pula, akan menyukarkan ketika mengisi minyak sekiranya kotak sudah ada muatan yang agak banyak terutama motor cub..

□ **Tarikh inovasi dihasilkan**

Inovasi ini mula dihasilkan pada awal bulan Januari 2022. Mengalami beberapa penambahbaikan sehingga ke hari ini.

Tarikh	Penghasilan	Catatan	Kelemahan/ kelebihan
Januari 2022	Membina kaki kotak yang kukuh	Kedudukan tidak stabil	Kedudukan kotak tidak dapat di ubah
September 2022	Kotak boleh dilaras menggunakan sistem rel	Dapat memilih kedudukan yang sesuai	Kedudukan kotak boleh di ubah kengikiut keperluan pengguna
Mach 2023	Pelarasan kotak simpan barang menggunakan suiz	Menggunakan suiz untuk menukar kedudukan kotak	Kedudukan kotak dapat di laras menggunakan motor dan tenaga elektrik.

□ **Tujuan projek Inovasi**

1. Menghasilkan satu inovasi yang memudahkan tugas serta memberi keselamatan dan keselesaan kepada pengguna.
2. Menjimatkan ruang parking
3. Lebih stabil ketika membawa barang berat
4. Keselamatan pembonceng kanak2 lebih terjamin .

□ **Proses pelaksanaan inovasi** (nyatakan jika dibuat in-house atau out-source)

- Penghasilan inovasi adalah berdasarkan kepada pengalaman penghasilnya semasa membawa motorsikal yang membawa barang penuh kotak semasa melalui jalan Grek ke Tasik Banding. Bila kotak letak di belakang pelana, sukar mengambil selekoh kerana muatan yang berat akan mengurangkan kestabilan motor. Manakala bila di letak di atas pelana pula, setiap kali mengisi minyak terpaksa membuka dan menurunkan kotak dari kedudukannya.

□ **Proses sebelum dan selepas .**

Penggunaan kotak simpan barang di belakang atau di sisi adalah biasa di digunakan pada motor Cub atau pada motor yang berkuasa tinggi. Ini adalah keperluan untuk membawa dan menyimpan barang dalam perjalanan jauh. Dengan adanya kotak ini dapat menjamin keselamatan barang dari terkena hujan ataupun kehilangan

Penggunaan kotak belakang yang sedia ada akan menimbulkan masah dalam situasi tertentu. Kedudukan kotak di belakang pelana tidak boleh diisi beban yang berlebihan

. Sekiranya kotak di letak di atas pelana belakang pula akan menyusahkan bagi mengisi minyak. Semua motor cub perlu membuka pelana ketika mengisi minyak.

Penggunaan inovasi ini akan menyelesaikan masalah di atas. Kekiranya membawa muatan yang berat, kotak boleh diletakkan di atas pelana belakang. Manakala jika membawa penumpang atau mengisi minyak kotak boleh di gerakkan ke belakang

Bagitu juga sekiranya membawa kanak-kanak. Kotak boleh digerakkan ke hadapan dan rapat kepada pemandu bagi memastikan kanak yang di bawa tidak tertidur.

□ **Kumpulan sasar dan skop liputan.**

Sasaran utama penghasilan inovasi ini adalah kalangan ibu bapa mengambil anak sekolah dan penghantar barang yang menggunakan motor cub

Pengguna motor Cup yang memasang kotak simpan bagi perjalanan jauh dan panjang sangat sesuai menggunakan inovasi ini.

Bagi pengguna yang membawa membawa barang yang jumlahnya banyak adalah sangat sesuai kerana Kotak simpan Barang boleh di letakkan di atas pelana penumpang.

□ **Impak inovasi terhadap kumpulan sasar**

1. Kos yang rendah.
2. Mudah mudah meyimpam Motosikal.
3. Pemanduan yang setabil bila walaupun membawa beban yang berat
4. Boleh membawa muatan yang lebih.
5. Mudah mengisi minyak walaupun ketika membawa barang.
6. Menjaga keselamatan penumpang kanak-kanak

o **Elemen Inovatif / Kreatif**

Inovasi ini boleh digunakan untuk kotak simpan barang dan juga bag penghantar barang. Mudah dipasang dan buka. Bagi kotak simpan barang disediakan sekali penyandar penumpang kanak-kanak. Penyandar ini berfungsi sebagai penahan sekiranya penumpang belakang tertidur.

- Elemen Keberkesanan.

Inovasi ini dilengkapi kunci keselamatan. Sekiranya berlaku gangguan yang menyebabkan kotak tidak boleh digerakkan, kunci yang disediakan akan dapat menurunkan kedudukan motor yang membolehkan menenggerakkan kotak secara manual.

Jika gangguan sistem ini berlaku ketika kotak berada di atas pelana, sudah tentu pengguna tidak boleh mengisi minyak.

Tiga perkara yang perlu diambil berat ialah :

1. Muatan kotak ketika berada kedudukan hujung pelana tidak melebihi 15 kg ketika motosikal bergerak..
2. Pastikan tidak menekan suis gerakan kotak kebelakang ketika membawa penumpang kanak-kanak.
3. Letakkan kotak di atas pelana semasa parkir kerana akan menjimatkan ruang parking .

o Elemen Signifikan

Selain sesuai digunakan untuk OKU, ianya boleh digunakan oleh sesiapa sahaja ketika berada dalam keadaan yang terdesak

:-

1. Dalam perkalahan jauh
2. erkelah di hutan
3. Semasa berlaku gangguan bekalan air
4. Kesihatan tidak mengizinkan untuk bergerak.

- Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan

Dengan terhasilnya inovasi ini dapat membantu pengguna mengesan anak yang duduk di pelana belakang tidak terjatuh dari motor walaupun tidur. Penumpang dapat dirapatkan ke belakang pemandu untuk mengesan apa yang terjadi.

Selain itu dapat membawa muatan yang lebih tanpa mengganggu kesetabilan motosikal. Kedudukan kotak simpan barang yang diubah kedudukannya ke atas pelana belakang tidak akan menyebabkan kesetabilan motor lebih baik.

Disamping itu tidak perlu menurunkan kotak simpan barangan ketika mengisi minyak. Kedudukan kotak dapat diubah hanya dengan menekan suis untuk mengubah kedudukannya kebelakang atau kehadapan.

- Penjimatan masa/ kos/ sumber manusia

<i>Cara</i>	<i>Proses kerja</i>	<i>Kos</i>	<i>Kesan</i>	<i>Sumber Manusia</i>
Cara biasa	Kedudukan yang statik dan tidak dapat diubah alih.	Kos yang lebih tinggi	Kekadang tidak dapat memenuhi kehendak pengguna	Lebih sesuai untuk motosikal Nekad. .
KOTAK KATIK	Mudah untuk menukar kedudukan kotak	Kos yang rendah	Dapat memenuhi kehendak semua pengguna	Sesuai untuk semua motosikal

o Elemen Relevan

Inovasi ini mampu mengurangkan rasa kurang yakin keselamatan anak yang duduk di pelana belakang ketika balik sekolah. Ketika itu kanak-kanak mula mengantuk kerana penat belajar di tadika terutamanya. Dengan adanya Kotak Katik ini keyakinan pemandu lebih kerana kanak-kanak berada rapat diantara kotak dan pemandu.

□ Implikasi Kewangan (jika ada)

Kos Menghasilkan KOTAK KATIK

BIL	BAHAN	KUANTITI	KOS
1	Plat besi 1 in	120 cm	RM10.00
2	Plat 1x ½ in	140cm	RM 10.00
3	Motor Pawor Windor Kancil	1 unit	RM50.00
4	Cat	1 tin	RM 8.00
5	Sekuru dan nat no 10	8	RM4.00
	Suiz power Wi\ndor Kancil	1 unit	RM7.00
	Wayar	6 m	RM 5.00
	Jumlah		RM92 .00

Kos mampu milik oleh oleh semua orang. Sekiranya dihasilkan dari bahan yang baru, kosnya adalah lebih tinggi dari yang dinyatakan di atas. Bagitu juga kos kimpalan dan pemasangan adalah dilakukan sendiri.

Jika dibuat dalam kuantiti yang banyak untuk pasaran harganya adalah lebih rendah.

Penutup

Dengan terhasilnya inonasi ini semoga dapat membantu pengguna motor cub membawa barangan dan membawa anak-anak dengan lebih selesa dan selamat. Disamping itu dapat membantu penghantar barang menjalan perkhidmatan hantaran dengan lebih cekap, selesa dan selamat.

Disediakan oleh:

Nama : **MOHD NOR BIN KAPI**

Tel. : 0193703025

Emel




KOTAK KATIK

KOTAK KATIK
di hujung pelana




Kotak katik diletak di atas pelana penumpang agar dapat membawa beban yang lebih dan kesetabian motor yang baik



Ketika parkir tidak menambah ruang

Kotak Katik tolak ke belakang bagi membolehkan menyelak pelana untuk mengisi minyak






Suis kawalan kuasa

Suis kawalan
bergerak/bergerakan

Kunci keselamatan apabila berlaku gangguan pada sistem elektrik. Kotak dapat di gerakkan secara manual





Penyandar penumpang kanak-kanak belakang

Motor kawalan pergerakan Kotak Katik





Ada ruang yang jauh antara pemandu dan penumpang kanak-kanak

Kotak Katik ditolak ke hadapan agar penumpang belakang rapat ke pemandu



